

Masa depan G15 ^{R B.H - 1D1992} cerah

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kumpulan G15 mempunyai masa depan cerah dan keanggotaannya akan bertambah dari semasa ke semasa kerana semakin banyak negara selatan berminat menyertainya.

Perdana Menteri berkata, walaupun keanggotaannya bertambah nama kumpulan G15 itu akan dikekalkan.

"Saya berpendapat masa depan G15 cerah tetapi tidak semestinya kekal dengan angka 15, seperti juga G77 di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang kini mempunyai lebih 100 negara anggota.

"Banyak negara selatan menunjukkan minat menjadi anggota. Kita juga sudah menerima Chile sebagai anggota baru G15.

"Jadi tidaklah menjadi satu perkara ganjil kalau G15 mempunyai lebih da-

ripada 15 negara. Nama G15 itu dikekalkan seperti juga G77 dan saya yakin keanggotaan G77 pun tidak lama lagi akan bertambah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita setibanya dari London setelah menghadiri Sidang Puncak Ketua Kumpulan Kerjasama Selatan (G15) di Dakar, Senegal, baru-baru ini.

Dr Mahathir juga mengadakan Jawatan rasmi ke Namibia dan Tunisia.

Menurutnya, pada awal penubuhan G15 pemilihan keanggotaannya dibuat secara rambang tanpa mempunyai sebarang kriteria dan kajian.

"Sudah tentu ada di kalangan negara itu yang berminat dan kurang berminat. Tetapi hakikatnya Argentina bersetuju untuk menjadi tuan rumah Sidang Puncak G15 pada 1994," katanya.

Ditanya hasil lawatan-

nya ke negara-negara di benua Afrika itu, Dr Mahathir berkata lawatan itu adalah berguna kerana banyak pengalaman baru dan manfaat yang diperolehi.

"Lawatan itu adalah ke negara yang belum pernah dilawati sebelum ini, termasuk oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang terdahulu," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara berkenaan berminat mengadakan hubungan dua hala dengan Malaysia dan ia juga memberi peluang kepada Malaysia menjalin hubungan perdagangan dan ekonomi dengan negara terbabit.

"Di mesyuarat G15 yang dihadiri 10 daripada 15 ketua-ketua negara itu, kita mengadakan perbincangan mengenai kerjasama dan mencapai banyak persetujuan," katanya.